

# Mahathir seru lupuskan terus hutang negara miskin

U.M. 5 SEP 1989

**B**ELGRADE 4 Sept. — Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menyeru negara - negara kaya melupuskan sama sekali hutang negara - negara miskin kerana mereka telah tidak berhati - hati di dalam memberikan pinjaman.

Katanya, hanya inilah jalan penyelesaian kepada krisis hutang yang dihadapi sekarang.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada sidang kemuncak Pergerakan Berkecuali yang ke-9 di sini hari ini. Beliau adalah pemimpin ketiga berucap pada hari pembukaan persidangan itu.

Beliau menambah, "kesilapan tidak seharusnya diletakkan semata - mata kepada peminjam apabila peminjam, lebih meminjam. Pemberi pinjaman juga mesti dikecam kerana ia telah memberikan pinjaman tanpa hati - hati dan mereka mestilah membayar bagi kesilapan mereka sendiri.

"Bank - b a n k perda-

gangan dan kerajaan - kerajaan yang seumpama itu mestilah sanggup menerima kerugian. Kerajaan negara kaya tidak akan bankrap kerana pelupusan hutang itu dan bank - bank mereka akan dapat dipulihkan semula," ujanya.

Di dalam ucapannya Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah menyentuh perkara - perkara berikut:

• Kempen dijalankan oleh anasir - anasir luar di Malaysia untuk mengekalkan Penan sebagai suku primitif, hidup di dalam keadaan menderita tanpa segala kemudahan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia lainnya.

• Simpati kepada Penan ini sebenarnya penuh dengan hipokresi kerana tujuan utama mereka yang memanggil diri sebagai pencinta alam adalah untuk menyekat kayu negara panas dari bersaing dengan kayu lembut negara temperate.

• Tekanan terhadap rejim kulit putih di Afrika Selatan mestilah diteruskan kerana

tekanan seperti pemulauan dan sekatan ke atas negara itu telah pun mendatangkan kesan dan orang - orang hitam tidak mampu untuk berjuang kiranya bantuan kepada mereka dikurangkan walaupun kecil.

• Dasar Israel terhadap Palestin dan lain - lain negara Arab mestilah terus dikutuk di peringkat antarabangsa.

• Puak - puak yang bersengketa di Kampuchea mestilah menyedari tanggungjawab mereka dan mestilah diwujudkan perkongsian kuasa antara mereka di bawah pimpinan Putra Sihanouk.

• Demokrasi menurut tafsiran dunia Barat tidak akan bererti kiranya dunia ketiga hidup tanpa bumbung, tanpa makanan dan tanpa sekolah untuk anak - anak mereka.

• Golongan liberal Barat mesti memahami bahawa kita tidak boleh mengamalkan demokrasi dan hak kemanusiaan dengan serta - merta dan kita juga tidak boleh menyalin imej mereka. Demokrasi memerlukan adanya kemajuan yang tinggi di kalangan rakyat yang mengamalkannya.